

27/08/2003

PM rasmi Perhimpunan Patriotik Malaysia

KUALA LUMPUR: Karnival Perhimpunan Patriotik Raksasa Masyarakat Malaysia, yang dijadualkan berlangsung di Jalan Petaling (Petaling Street) Sabtu ini akan menonjolkan kebudayaan masyarakat pelbagai kaum di Malaysia kepada pengunjung asing.

Antara aktiviti yang akan diadakan ialah nyanyian artis tempatan dan persembahan tarian, termasuk oleh pelajar pusat pengajian tinggi di sekitar ibu kota.

Karnival sehari itu dijangka dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Ia juga akan dihadiri Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Pengerusi Jawatankuasa Pengelola perhimpunan itu, Datuk Tan Tiong Hong berkata, persembahan pelbagai kebudayaan mampu menarik lebih ramai pelancong asing mengunjungi negara ini.

"Malaysia mempunyai rakyat pelbagai kaum dan menerusi kebudayaan kaum masing-masing kita mampu menarik pelancong asing dengan menonjolkan keunikan yang dimiliki.

"Secara tidak langsung ia akan mempromosikan negara ini, terutama keistimewaan yang ada di Jalan Petaling," katanya pada sidang media selepas majlis gotong royong di Jalan Petaling di sini, semalam.

Majlis gotong royong itu dilancarkan Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan Bandar) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Mohd Amin Nordin Abdul Aziz, yang mewakili Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Mohamad Shaid Mohd Taufek. Turut hadir, Pengerusi MCA Bahagian Bukit Bintang, Datuk Dr Lee Chong Meng.

Tan berkata, Jalan Petaling dipilih sebagai lokasi karnival berkenaan kerana ia sudah dikenali bukan saja di kalangan pelancong tempatan malah pelancong asing.

Sementara itu, program gotong royong di kawasan itu dihadiri kira-kira 200 peserta, termasuk kakitangan DBKL, Alam Flora, Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (Rela) di samping penjaja dan peniaga di Jalan Petaling.